

Tingkat produktiviti R&D

■ UP disaran perbanyakkan penyelidikan sumbang hasil, kepakaran kepada negara

FOTO: ROSELA ISMAIL

IDRIS (tiga dari kanan) melawat gerai pameran Kereta Hidrogen Sel Fuel UKM pada Pameran Pencapaian Kejayaan Universiti Penyelidikan di UKM, Bangi.



Oleh Fazurawati Che Lah
fazurawati@hmtero.com.my
Bangi

Universiti Penyelidikan (UP) disarankan memperbanyakkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi meningkatkan aktiviti pembangunan serta pengkomersilan produk hasil kepakaran universiti kepada masyarakat dan industri di negara ini.

Menteri Pendidikan II Datuk Seri Idris Jusoh berkata ini kerana kerajaan meluluskan peruntukan antara RM50 juta dan RM90.8 juta setahun di bawah peruntukan mengurus kepada setiap UP untuk menjalankan R&D.

“Sejak 2009 sehingga 2012, terdapat 110 komuniti di seluruh negara menerima manfaat daripada pemindahan ilmu dan teknologi hasil daripada projek di bawah Dana R&D.

“Manakala aktiviti pembangunan serta pengkomersilan produk yang dijalankan antara tahun 2007 hingga 2013, telah berjaya menjana pendapatan sebanyak RM3.6 bilion,” katanya ketika sidang media Pameran Pencapaian Kejayaan Universiti Penyelidikan Siri 5 di Universiti



IDRIS menerima risalah MYC daripada kanak-kanak OKU Janna Azli, 9.

Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini, semalam.

Hadir sama naib Canselor UKM Profesor Datuk Dr Noor Azlan Ghazali dan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Datuk Profesor Asma Ismail.

Lima universiti penyelidikan yang menyertai pameran itu ialah Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Melayu (UM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Idris berkata peningkatan R&D di UP sejak 2007 memberi banyak manfaat kepada pelbagai komuniti di negara ini sekali gus menjadi penyedia penyelesaian kepada mereka yang ingin mening-

katkan ekonomi keluarga.

“Pelbagai masyarakat telah mendapat manfaat daripada penyelidikan di UP antaranya orang kurang upaya (OKU), ibu tunggal, usahawan, petani desa dan lain-lain yang menggarapkan teknologi penyelidik bagi menguruskan produk masing-masing.

“UP juga membawa universiti di negara kita ke arah era baru dan cemerlang kerana di Malaysia kita mempunyai kira-kira 25,000 pemegang Ijazah Doktor Fal-safah,” katanya.

Dalam majlis itu, Idris melancarkan buku berjudul Research Report: Impact of Malaysian research Universities as the Engine of Growth for Nation Building yang menjelaskan mengenai pencapaian yang dicapai UP dan manfaat yang diperoleh masyarakat dan industri.

FAKTA
Kerajaan lulus antara RM50 juta dan RM90.8 juta setahun kepada setiap UP untuk menjalankan R&D